

RINGKASAN EKSEKUTIF

Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF)

VISI

Menjadi sebuah badan profesional kewangan Islam Antarabangsa untuk pengamal kewangan Islam yang bertauliah

MISI

PENGETAHUAN: Mewujudkan platform yang menyediakan program pendidikan dan latihan profesional berterusan tinggi bagi menggalakkan pembangunan bakat yang berkualiti

INTEGRITI: Menggalakkan standard perkhidmatan yang beretika tinggi dalam kewangan Islam

PERKHIDMATAN: Memartabatkan sistem perkhidmatan yang profesional dan produk kewangan Islam yang berkualiti

LATAR BELAKANG CIIF



Sebuah badan profesional antarabangsa bagi pengamal industri kewangan Islam dengan keahlian daripada 38 buah negara merangkumi 6 rantau di seluruh dunia termasuk Asia Timur dan Pasifik, Timur Tengah, Afrika Utara, Eropah dan Asia Tengah

CPIF

Memacu agenda perkembangan kelayakan profesional di kalangan pengamal kewangan Islam melalui program profesional "Chartered Professional in Islamic Finance" (CPIF) di kalangan pengamal industri kewangan Islam. Sebelum ini dikenali sebagai *Association of Chartered Islamic Finance Professionals* (ACIFP) yang ditubuhkan sebagai badan profesional untuk graduan *Chartered Islamic Finance Professional* (CIFP) dari *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF)



CIIF ditubuhkan pada tahun 2015 selepas ACIFP menjalani transformasi daripada sebuah pertubuhan kepada sebuah syarikat terhad oleh jaminan. Ahli Majlis CIIF terdiri daripada pemimpin-pemimpin di dalam industri kewangan Islam. Ahli-ahli CIIF merupakan mereka yang datang daripada pelbagai latar belakang, bidang dan pengalaman



Penubuhan CIIF adalah satu inisiatif di bawah Piagam Profesion Kewangan Islam yang bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kualiti pengamal kewangan Islam melalui Standard dan Garis panduan, termasuk Kod Etika dan Standard Kelakuan Profesional serta program pembangunan profesional dan program pengamalan profesional berterusan. Piagam ini diasaskan oleh pertubuhan industri kewangan Islam iaitu Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia dan Persatuan Perbankan Perlaburan Malaysia dengan usaha sama CIIF



CIIF telah menggandakan jumlah keahliannya sehingga melebihi 1000 orang ahli yang datang daripada latar belakang pelbagai industri seperti industri kewangan Islam, undang-undang dan perundangan, akademik, badan-badan kawal selia dan agensi kerajaan. Keahlian CIIF juga terdiri daripada pelbagai negara dalam dan luar negara. Antaranya adalah dari Pakistan, Qatar, Indonesia, Nigeria dan United Kingdom



Maklumat lanjut berkenaan CIIF dalam sektor kewangan Malaysia dan peralihan ACIFP ke CIIF boleh didapati di muka surat 69 Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2015 melalui link berikut:

http://www.bnm.gov.my/files/publication/tsp/en/2015/1s2015_book.pdf

MANDAT



CIIF mempunyai mandat global di bawah Pelan Tindakan Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia 2011-2020 sebagai badan profesional yang bertanggungjawab ke atas standard kualiti global untuk pengamal profesional di sektor kewangan Islam dengan menetapkan penanda aras bagi program profesional dan kelayakan dalam bidang kewangan Islam

NILAI CADANGAN




- CIIF memberi sokongan berterusan kepada ahlinya dalam melengkapkan diri dengan skill dan pengetahuan yang terkini dalam kewangan Islam sambil mendukung amalan berintegriti tinggi dalam melaksanakan tugas profesional mereka
- CIIF menyediakan platform untuk ahli-ahli berinteraksi dan mengutarakan kepimpinan pemikiran bagi memajukan industri kewangan Islam
- CIIF menjadi penghubung antara golongan profesional, industri dan institusi pendidikan dan latihan
- CIIF menyediakan program pembangunan modal insan profesional yang lestari dalam kewangan Islam

STRATEGI




CIIF akan menyediakan program latihan yang berterusan bagi membangunkan bakat-bakat yang diiktiraf dan memenuhi keperluan industri kewangan Islam tempatan serta di peringkat global. CIIF juga berlandaskan 3 teras strategik utama iaitu, Pembangunan Profesional, Pengiktirafan Industri dan Jangkauan Global


KLASIFIKASI KEAHLIAN




Fellow Member




Chartered Member



Senior Associate



Junior Associate



Student Member

PERANCANGAN ORGANISASI



Jangka Pendek

- Menjalankan kempen keahlian dan program kesedaran profesionalisma serta memeterai perjanjian kerjasama tempatan dan antarabangsa berkenaan profesionalisma melalui kelayakan profesional CPIF

Jangka Sederhana

- Mengukuhkan struktur pembangunan program dan melalui pengeluaran standard serta pembangunan Pelan Tindakan Profesionalisma Kewangan Islam

Jangka Panjang

- Menjadi pusat rujukan global untuk kecemerlangan profesional dalam kewangan Islam, penjenamaan premium bagi golongan berkelayakan CPIF dan kemudahan mobiliti global untuk ahli CIIF

STATISTIK KEAHLIAN



Jumlah Keseluruhan Ahli: 1,346



62%



38%



Jumlah Ahli Tempatan & Antarabangsa



84%



16%

PENCAPAIAN CIIF

PEMBANGUNAN STANDARD



- CIIF Kod Etika
- CIIF Standard Tingkah Laku Profesional
- CIIF Falsafah Profesional
- CIIF Standard Perkembangan Profesional Berterusan

JANGKAUAN GLOBAL



Wakil Bab Antarabangsa yang telah dilantik:

- Indonesia
- Pakistan
- Qatar

PEMBANGUNAN MODAL INSAN



- Berjaya melancarkan Program Profesional dalam Kewangan Islam, iaitu Chartered Professional in Islamic Finance (CPIF)
- Kerjasama bersama Bank Rakyat Malaysia bagi pelaksanaan program The Islamic Banker (TIB) yang telah berjaya melahirkan seramai 51 perintis profesional yang berpengetahuan luas tentang industri kewangan Islam
- Program Chartered Fast-Track Masterclass yang dilancarkan dari tahun 2018 juga telah berjaya mengumpulkan lebih dari 100 orang peserta bertaraf profesional bertauliah yang akan memartabatkan industri kewangan Islam
- Melancarkan program Biasiswa dan Dermasiswa CPIF pada tahun 2020 dan 2021 untuk individu berkecayaan
- CIIF akan meneruskan kerjasama bersama institusi kewangan Islam lain demi untuk meningkatkan tahap pengetahuan profesional di dalam industri kewangan Islam

KERJASAMA & AKTIVITI



- Jalinan Kerjasama dengan ISRA Consultancy Sdn Bhd sebagai rakan kongsi pelatih
- Jalinan Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Latihan seperti Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Islam Antarabangsa, JPPKK, INCEIF dan institusi latihan seperti IBFIM dan Salihin Consultancy
- Jalinan Kerjasama dengan Badan Antarabangsa seperti Chartered Institute of Bankers Nigeria, Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dan Tanzania Institute of Bankers
- Acara kolaborasi bersama pelbagai badan industri utama seperti MIA, LeadWoman dan dan CTEvent Asia
- Promosi dan aktiviti pemasaran ke seluruh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia serta lain-lain Institusi Latihan dan Institusi Kewangan.

SENARAI PROGRAM CIIF



CHARTERED™
PROFESSIONAL IN
ISLAMIC FINANCE



SENARAI PROGRAM TAHUN 2022

FEBRUARI



CHARTERED CONFIRMATION
CEREMONY

MAC



CHARTERED FAST-TRACK
MASTERCLASS (CFM) KUALA
LUMPUR

JUN



CIIF 6TH ANNUAL GENERAL
MEETING

JUN/JULAI/SEPT/OKT



CFM INTERNATIONAL

NOVEMBER



CIIF SYMPOSIUM 2022

JAN/MEI/SEPT



SETIAP JAN/MEI/SEPTEMBER:
PENGAMBILAN DAN
PENDAFTARAN CPIF 2022

SEPANJANG TAHUN



CIIF WEBINARS / CIIF CPD
PROGRAMME / CIIFTALKS